



## SIARAN AKHBAR

---

**MAJLIS IBADAH KORBAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
SERTA JABATAN-JABATAN DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 1441H/2020M**

**Dewan Setia Pahlawan, Aras Bawah  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Isnin, 3 Ogos 2020 – Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya pagi tadi telah mengadakan Majlis Ibadah Korban Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya bagi tahun 1441H/2020M bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Majlis pada tahun ini dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut bagi menyempurnakan pengagihan daging-daging korban ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-Ketua Jabatan; pegawai-pegawai kanan; para pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Pada majlis tersebut, dengan mematuhi garispandu pada masa ini yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengekang penularan jangkitan wabak COVID-19 di samping dengan menghadkan keramaian tidak melebihi 100 orang sahaja, sebanyak tiga (3) ekor lembu telah dikorbankan yang disertai oleh 14 orang peserta, yang seterusnya diagihkan kepada 45 orang penerima yang terdiri daripada kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Jabatan-Jabatan di bawahnya.

Daging korban tersebut juga turut diagih-agihkan kepada seramai 30 orang penerima yang terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin di bawah tadahan kawasan Mukim Berakas, Dearah Brunei dan Muara dengan penghantaran terus ke rumah kediaman penerima oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Majlis Korban ini diadakan setiap tahun sebagai tanda bersyukur atas segala nikmat kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu untuk memupuk nilai persaudaraan dan ukhuwah Islamiah dengan saling bantu membantu antara satu sama yang lain.

Disediakan oleh:

**Jabatan Pertanian dan Agrimakanan**  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Bandar Seri Begawan  
Negara Brunei Darussalam

12hb Zulhijjah 1441  
3hb Ogos 2020

---